



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**MAJLIS PERSEMBAHAN DIKIR SYARAFIL ANAM SEMPENA
SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM BAGI
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN DI
DALAMNYA TAHUN 1446H/2024M**

Hari Selasa, 06 Rabiulawal 1446H bersamaan 10 September 2024M

Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Persembahan Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah pada hari Selasa, 06 Rabiulawal 1446H bersamaan 10 September 2024M bertempat di Masjid Pengiran Muda Abdul Malik, Kampong Tungku/Katok.

Hadir selaku Tetamu Kehormat di Majlis Persembahan Dikir Syarafil Anam ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Turut hadir ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal I), Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan lelaki Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya.

Seterusnya, Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan meneruskan Majlis Persembahan Dikir ke Masjid Universiti Brunei Darussalam pada hari Jumaat, 08 Rabiulawal 1446H bersamaan 12 September 2024M.

Persembahan Dikir Syarafil Anam adalah untuk menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping bagi mengenang jasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam memperjuangkan syiar Islam sekali gus menyuntik rasa kecintaan kepada Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

-2-

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah diselenggarakan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

-TAMAT-

Disediakan oleh:
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam
Emel: pr@mofe.gov.bn

Rujukan: KKW/ADM/28 Pt.4
Tarikh: 06 Rabiulawal 1446H
10 September 2024M